



TEKUN NASIONAL
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

PEKELILING TEKUN NASIONAL

PEKELILING TEKUN NASIONAL BILANGAN 5 TAHUN 2020

PELAKSANAAN POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH TEKUN NASIONAL

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua wargakerja berkenaan pelaksanaan Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah TEKUN Nasional.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 TEKUN Nasional yang ditubuhkan dalam tahun 1998 sebagai sebuah institusi mikrokredit telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Pembiayaan TEKUN. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, warga kerja TEKUN perlulah sentiasa mempamerkan etika kerja yang baik dan memelihara integriti warga kerja dan TEKUN Nasional pada setiap masa.
- 2.2 Sebagai pegawai sebuah badan awam yang berurusan dengan pelanggan dan orang awam, warga kerja TEKUN sering kali ditawarkan hadiah, sama ada sempena sambutan perayaan keagamaan atau pada waktu-waktu yang lain.
- 2.3 Maka pelbagai andaian timbul sama ada Pegawai TEKUN dibenarkan untuk menerima hadiah atau tidak. Sekiranya Pegawai TEKUN menerima hadiah tersebut, berkemungkinan berlaku tohmahan

bahawa hadiah tersebut adalah suatu bentuk rasuah. Sekiranya hadiah ditolak, ia mungkin mendatangkan perasaan rasa bersalah kerana sumbangan atau hadiah telah menjadi sebahagian adat masyarakat Malaysia terutamanya ketika musim perayaan.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Polisi ini dikuatkuasakan bertujuan untuk:

- i) Memaklumkan semua warga kerja berkenaan larangan memberi dan menerima hadiah berkaitan tugas rasmi;
- ii) Memberi panduan berkenaan tindakan yang perlu diambil apabila ditawarkan hadiah;
- iii) Memelihara integriti warga kerja TEKUN Nasional; dan
- iv) Mengamalkan tadbir urus terbaik.

4.0 MAKSUD 'HADIAH'

4.1 Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Malaysia Bil. 3 Tahun 1998 (PP 3/1998), "**hadiah**" termasuklah wang, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima pegawai itu.

4.2 Di bawah Akta SPRM 2009, 'hadiah' juga merupakan salah satu bentuk "**suapan**" selain daripada wang, harta dan sebagainya sekiranya pemberian tersebut mempunyai niat tertentu.

5.0 PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

5.1 Larangan Memberi Dan Menerima Hadiah Berkaitan dengan Tugas Rasmi

5.1.1 Semua **pegawai** TEKUN termasuk **suami/isteri atau wakilnya** adalah **dilarang** daripada **memberi dan menerima** hadiah sekiranya **berkaitan dengan tugas rasminya** dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu **tidak sepadan** dengan maksud hadiah itu diberi.

5.1.2 Pegawai juga ditegah untuk memberi atau menerima hadiah jika perbuatan itu mengandungi unsur-unsur rasuah, perlakuan jenayah dan atau mengandungi kepentingan peribadi (*conflicts of interest*).

5.2 Hadiah Yang Boleh Diterima Dengan Kebenaran

5.2.1 Warga kerja dalam keadaan-keadaan tertentu adalah dibenarkan menerima hadiah, **tertakluk kepada kelulusan Penyelia¹**, seperti berikut:

- i) Seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang sama ada bentuk, amaun atau nilai hadiah yang diterimanya adalah sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan; atau
- ii) Hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimaannya dilarang oleh peraturan ini.

Maka hadiah itu boleh diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan Borang Pendaftaran Penerimaan Hadiah Dan Kelulusan (**JIPR/BORANG/12 seperti di Lampiran I**) kepada Penyelia untuk kelulusan.

5.3 Bentuk, Amaun Atau Nilai Hadiah Sepadan Atau Tidak Dengan Maksud Ianya Diberi

5.3.1 Dalam keadaan penerimaan hadiah **tidak berkaitan** dengan **tugas rasmi sebagai Pegawai TEKUN**, *maksud bentuk, amaun atau nilai hadiah itu sepadan atau tidak dengan tujuan hadiah itu diberi*, hendaklah berdasarkan kepada nilai semasa hadiah itu, 'occasion' dan tujuan atau maksud hadiah itu diterima. Penerimaan hadiah oleh Pegawai TEKUN yang **tidak berkaitan**

¹ Penyelia bermaksud pegawai tertinggi yang berada di cawangan, negeri, jabatan dan bahagian.

Contoh : Penyelia bagi Pegawai TEKUN ialah Pengurus Cawangan

Penyelia bagi Eksekutif Negeri ialah Pengurus TEKUN Negeri

Penyelia bagi Ketua Jabatan / Ketua Bahagian ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

dengan tugas, sama ada sepadan atau tidak dengan maksud ianya diberi adalah seperti berikut :

- i) Penerimaan hadiah dianggap **tidak sepadan** dengan maksud hadiah itu diberi jika nilai semasa hadiah diterima itu nilainya (dalam bentuk wang) **melebihi** $\frac{1}{4}$ emolumen bulanan² atau melebihi RM500.00 mana yang lebih rendah. Penerimaan ini perlu direkod (**JIPR/Borang/12** seperti di **Lampiran I**) dan mendapat **kelulusan Penyelia**.
- ii) Penerimaan hadiah dianggap **sepadan** dengan maksud hadiah itu diberi dan tidak perlu dilaporkan kepada Penyelia untuk kelulusan, jika nilai hadiah yang diterima kurang $\frac{1}{4}$ emolumen atau RM500.00, mana yang lebih rendah.

5.3.2 Penerimaan hadiah dianggap **sepadan dengan maksud hadiah** itu diberi walaupun nilainya melebihi RM500.00, jika penerimaan hadiah itu dalam keadaan berikut:

- i) Penerimaan hadiah daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai;
- ii) Penerimaan hadiah daripada isteri atau suami, anak-anak termasuk anak menantu atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang, ibu / bapa termasuk ibu mertua dan bapa mertua dan adik beradik termasuk sebelah isteri atau suami;
- iii) Penerimaan hadiah daripada saudara-mara, dan rakan-rakan sempena majlis hari jadi, pertunangan dan perkahwinan pegawai atau anak-anak, atau apa-apa

² **Emolumen** bermaksud segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai dan termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain.

majlis lain yang berkaitan dengan adat resam dan agama; atau

- iv) Penerimaan hadiah yang cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buah-buahan, kuih-muih, minuman ringan, bunga dan sebagainya.

5.3.3 Walau apa pun, yang dinyatakan di perenggan 6.3.1 dan 6.3.2, **sekiranya** pegawai **masih ragu-ragu** dan mendapati penerimaan ini boleh menimbulkan masalah berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai pegawai TEKUN atau boleh menimbulkan syak wasangka bagi dirinya atau orang lain, maka pegawai juga boleh melaporkan penerimaan ini kepada Penyelia melalui borang **JIPR/Borang/12 (Lampiran I)**.

5.4 Pemberian Hadiah Yang Sukar Ditolak

5.4.1 Bagi keadaan-keadaan tertentu di mana hadiah **sukar untuk ditolak** kerana boleh memalukan si pemberi atau menimbulkan keadaan serba salah, seperti pemberian buah kurma sempena Bulan Ramadan dan limau mandarin sempena Tahun Baru Cina daripada pihak yang berkaitan dengan urusan TEKUN Nasional (seperti pembekal, usahawan dan sebagainya), maka warga kerja **boleh menerima** hadiah tersebut terlebih dahulu.

5.4.2 Sekiranya nilai hadiah berkenaan **kurang dari RM100.00**, maka Pegawai TEKUN dibenarkan menerima hadiah berkenaan.

5.4.3 Sekiranya hadiah berkenaan bernilai **RM100.00 dan ke atas**, maka penerimaannya perlu direkod dan mendapat **kelulusan Penyelia** melalui borang **JIPR/BORANG/12 (Lampiran I)**.

5.4.4 Penyelia boleh membuat keputusan sama ada **menerima atau menolak** hadiah berkenaan. Sekiranya ragu-ragu untuk membuat keputusan, maka Penyelia boleh merujuk kepada Pengurusan Tertinggi TEKUN Nasional.

5.4.5 Walau bagaimanapun, penerimaan hadiah ini tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Undang-undang Negara yang berkaitan³.

5.5 Penerimaan Hadiah Yang Menjadi Kesalahan

5.5.1 Penerimaan hadiah, sama ada kurang atau lebih dari nilai yang dinyatakan di atas atau sama dengan nilai tersebut, adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang jika ia diterima dalam keadaan-keadaan berikut :

- i) Hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*) bahawa ia adalah satu dorongan atau upah kepada pegawai itu bagi melakukan atau tidak melakukan (*to forebear*) atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau urusan prinsipalnya atau dalam menjalankan kerja-kerja rasminya (Seksyen 16, 17, 20, 21, 23 dan 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009);
- ii) Orang yang memberi hadiah itu mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu sendiri atau dengan kerja rasmi seseorang pegawai yang di bawahnya dia bekerja dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati sebaliknya ia dilakukan dengan satu niat jenayah (*mens rea*); atau
- iii) Hadiah itu diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh Pegawai itu (Seksyen 165, Kanun Keseksaan)

³ Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, Kanun Keseksaan.

5.6 Keputusan Penyelia

5.6.1 Penyelia apabila menerima laporan mengenai penerimaan hadiah oleh pegawai-pegawainya yang memerlukan keputusan, boleh membuat keputusan seperti berikut:

- a) Membenarkan pegawai menerima hadiah itu;
- b) Mengarahkan pegawai mengembalikan hadiah itu kepada si pemberi; atau
- c) Hadiah disimpan oleh Jabatan.

5.6.2 Penyelia apabila mempertimbangkan Akuan Penerimaan Hadiah untuk keputusan perlu mengambil kira keadaan:

- i) Penerimaan hadiah tersebut tidak melanggar mana-mana peraturan sepertimana yang dinyatakan pada Manual Prosedur Pentadbiran dan Sumber Manusia TEKUN Nasional dan Pekeliling yang berkaitan;
- ii) Penerimaan hadiah tersebut tidak menimbulkan syak bahawa pegawai telah menggunakan kedudukan atau kuasa yang ada padanya untuk memperolehi hadiah itu;
- iii) Mengambil kira kekerapan pegawai tersebut menerima hadiah;
- iv) Hubungan antara pegawai dengan si pemberi hadiah, khususnya mengenai tugas-tugas dan kuasa yang ada kepada pegawai itu; dan
- v) Kepentingan TEKUN Nasional secara keseluruhan.

5.7 Carta Alir Proses Penerimaan Hadiah

5.7.1 Carta Alir Proses Penerimaan Hadiah adalah seperti berikut:

- a) **Lampiran II** untuk penerimaan hadiah yang **berkaitan** dengan tugas rasmi;
- b) **Lampiran III** untuk penerimaan hadiah yang **tidak berkaitan** dengan tugas rasmi; dan
- c) **Lampiran IV** untuk penerimaan hadiah oleh TEKUN Nasional.

6.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN KERAIAN OLEH PEGAWAI TEKUN NASIONAL

- 6.1 Pegawai TEKUN boleh memberi atau menerima keraian jika tidak mempengaruhi tugas rasminya atau tidak bercanggah dengan Manual Prosedur Pentadbiran dan Sumber Manusia (MPPSM) TEKUN Nasional dan Pekeliling yang berkaitan.
- 6.2 Walaupun Pegawai TEKUN dibenarkan memberi atau menerima keraian, Pegawai TEKUN hendaklah memberi perhatian yang serius mengenai perkara-perkara berikut:
- i) Dengan memberi atau menerima keraian, ianya **tidak sama sekali menjejaskan kuasa dan tanggungjawab** sebagai Pegawai TEKUN untuk kepentingan pihak yang memberi keraian itu;
 - ii) Pemberian dan penerimaan keraian itu tidak bercanggah dengan MPPSM dan Pekeliling yang berkaitan;
 - iii) Sensitiviti TEKUN Nasional di mana pegawai bertugas;
 - iv) Sensitiviti masyarakat terhadap tanggungjawab pegawai dan TEKUN Nasional keseluruhannya; atau / dan;
 - v) Kekerapan pegawai menerima keraian.

7.0 UCAP TAHNIAH, TERIMA KASIH ATAU TAKZIAH

- 7.1 Pegawai TEKUN adalah dilarang daripada memberikan kebenaran bagi ucapan-ucapan tahniah / terima kasih / takziah yang menyentuh diri pegawai untuk disiarkan di akhbar-akhbar atau mana-mana media massa yang lain oleh pihak swasta, persatuan, pertubuhan, orang perseorangan atau mana-mana kumpulan orang.

8.0 KEWAJIPAN MELAPORKAN TAWARAN RASUAH / SUAPAN

- 8.1 Pegawai TEKUN adalah diingatkan berkaitan Peruntukan Seksyen 25, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu tanggungjawab untuk melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pihak Polis sekiranya mereka diberi atau dijanjikan atau ditawarkan apa-apa bentuk suapan. Adalah

menjadi kesalahan di bawah Akta tersebut sekiranya pegawai TEKUN Nasional gagal mematuhi peruntukan berkenaan.

- 8.2 Rujukan Undang-Undang dan Peraturan yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran VI**.

9.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH OLEH TEKUN NASIONAL

Penerimaan Hadiah Oleh TEKUN Nasional Daripada Pihak Luar

- 9.1 TEKUN Nasional dibenarkan menerima hadiah daripada pihak luar. Walau bagaimanapun, penerimaan hadiah itu mestilah memperolehi kebenaran daripada:

- i) Jawatankuasa Pengurusan (MANCO) TEKUN Nasional, jika nilai hadiah tiap-tiap satu tidak lebih daripada RM10,000.00 seperti di **Lampiran V**.
- ii) Lembaga Amanah TEKUN Nasional, jika nilai hadiah tiap-tiap satu bernilai lebih daripada RM10,000.00 seperti di **Lampiran V**.

- 9.2 Setiap permohonan kepada pihak yang meluluskan penerimaan hadiah tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti di **Lampiran V**.

Pemberian Hadiah Oleh TEKUN Nasional Dalam Majlis Rasmi

- 9.3 TEKUN Nasional **tidak digalakkan** untuk memberi hadiah kepada tetamu khas yang merasmikan atau yang terlibat dalam apa-apa upacara rasmi TEKUN Nasional atau Kerajaan.
- 9.4 Walaupun demikian, jika hadiah itu didapati perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, maka pemberian itu bolehlah dibuat, tetapi pemberian itu hendaklah berbentuk lencana (*plaque*) yang tidak mahal harganya, barang-barang kraftangan atau produk usahawan TEKUN atau apa-apa bentuk bahan atau barangan bercetak yang berkaitan.

10.0 PENERIMAAN HADIAH DAN SUMBANGAN OLEH KELAB, PERSATUAN DAN PERTUBUHAN YANG DITUBUHKAN DI TEKUN NASIONAL

- 10.1 Kelab, persatuan dan pertubuhan yang ditubuhkan di TEKUN Nasional **tidak dibenarkan untuk menghubungi terus atau secara langsung** pihak luar atau orang awam untuk mendapatkan bantuan kewangan/sumbangan dengan apa cara sekalipun bagi membiayai aktiviti-aktiviti kelab **tanpa kebenaran dan persetujuan bertulis Pengurusan Tertinggi⁴** TEKUN Nasional. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran dan persetujuan ini boleh dikemukakan melalui surat, memo atau emel.
- 10.2 Sekiranya terdapat pihak yang ingin memberi apa-apa sumbangan kepada kelab, persatuan dan pertubuhan, maka **kebenaran dan persetujuan Pengurusan Tertinggi** TEKUN Nasional perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum menerima sumbangan tersebut.
- 10.3 Perlulah ditegaskan bahawa apa-apa sumbangan yang diperolehi hendaklah dipastikan **tiada unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak dan keraguan dan beban kepada mana-mana pihak** agar ianya tidak mencemarkan nama baik TEKUN Nasional. Di samping itu, hendaklah juga diambilkira dari segi **jumlah dan kekerapan** sumbangan tersebut diterima.
- 10.4 Sumbangan yang diperolehi itu juga hendaklah digunakan untuk tujuan **aktiviti-aktiviti** kelab, persatuan dan pertubuhan berkenaan dan hendaklah mempunyai **penyata kira-kira** yang boleh dirujuk.

11.0 KUTIPAN ATAU PUNGUTAN DERMA/SUMBANGAN OLEH PEGAWAI, KELAB, PERSATUAN DAN PERTUBUHAN

- 11.1 Mana-mana pegawai TEKUN Nasional, kelab, persatuan dan pertubuhan yang ditubuhkan di TEKUN Nasional **tidak dibenarkan** untuk membuat sebarang kutipan atau pungutan derma bagi apa-apa tujuan selain daripada yang dibenarkan oleh peraturan tanpa kebenaran **Pengurusan Tertinggi** TEKUN Nasional.

⁴ Pengurusan Tinggi bermaksud Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional

11.2 Walau bagaimanapun, kutipan atau pungutan derma / sumbangan ini adalah tertakluk kepada undang-undang negara yang berkuatkuasa.

12.0 UMUM

12.1 Tiada apa-apa dalam garis panduan ini atau apa-apa pindaan yang dibuat di bawahnya boleh menghalang apa-apa tindakan diambil di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kanun Keseksaan dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan terhadap mana-mana Pegawai TEKUN.

13.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Pelaksanaan Penerimaan dan Pemberian Hadiah TEKUN Nasional ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini diperakukan.

14.0 PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di kalangan warga kerja bagi memastikan setiap pemberian dan penerimaan hadiah daripada pihak-pihak yang berurusan dengan TEKUN Nasional keseluruhannya adalah mematuhi polisi yang ditetapkan.

"TEMAN NIAGA ANDA"



ROSHAIMI BIN HARUN

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Korporat
TEKUN Nasional

20 Februari 2020

	BORANG PENDAFTARAN PENERIMAAN HADIAH DAN KELULUSAN PENYELIA	No. Borang : JIPR/BORANG/12 Tarikh Kuatkuasa : Muka Surat : 1/3
---	--	--

A. MAKLUMAT PENERIMA

- | | | | |
|-------|--------------------|---|-------|
| (i) | Nama Pegawai | : | |
| (ii) | No. Kad Pengenalan | : | |
| (iii) | Jawatan | : | |
| (iv) | Tempat Bertugas | : | |

B. KETERANGAN MENGENAI HADIAH

- | | | | |
|-------|---|---|--|
| (i) | Jenis | : | |
| (ii) | Nilai (anggaran) | : | |
| (iii) | Tarikh diterima | : | |
| (iv) | Si Pemberi dan Alamat | : |
.....
..... |
| (v) | Hubungan / Kaitan Dengan Pegawai | : | |
| (vi) | Sebab diberi | : | |
| (vii) | Lain-lain maklumat, jika ada (seperti syarat-syarat yang dikenakan oleh sipemberi, pandangan pegawai tentang hadiah itu, sama ada pegawai berkehendakkan hadiah tersebut atau sebagainya. | : |
.....
.....
.....
.....
..... |



**BORANG PENDAFTARAN PENERIMAAN HADIAH
DAN KELULUSAN PENYELIA**

No. Borang : JIPR/BORANG/12

Tarikh Kuatkuasa :

Muka Surat : 2/3

C. PERAKUAN PEGAWAI

Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberi di atas adalah benar.

Tarikh :
(Tandatangan Pegawai)

D. ULASAN PENYELIA, JIKA PERLU

.....
.....
.....

Tarikh :
(Tandatangan Pegawai)

Nama :

Jawatan :

E. KEPUTUSAN PENYELIA

Saya selaku penyelia, setelah menimbangkan penerimaan hadiah di atas, membuat keputusan berikut :

- ☐ Membenarkan pegawai menerima hadiah tersebut.
- ☐ Hadiah tersebut dikembalikan kepada si pemberi melalui penyelia.
- ☐ Hadiah tersebut disimpan oleh TEKUN Nasional.

[(/) mana yang berkenaan]



**BORANG PENDAFTARAN PENERIMAAN HADIAH
DAN KELULUSAN PENYELIA**

No. Borang : JIPR/BORANG/12

Tarikh Kuatkuasa :

Muka Surat : 3/3

E. KEPUTUSAN PENYELIA

Tarikh :


.....

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

**PROSES
PENERIMAAN HADIAH BERKAITAN DENGAN TUGAS RASMI**



Hadiah Sukar Untuk Ditolak kerana boleh memalukan si pemberi dan menimbulkan keadaan serba salah jika ditolak dan dianggap tidak sopan kerana budaya memberi hadiah adalah lambang penghargaan dan tanda hormat, seperti:


- i) pemberian hadiah oleh penganjur seminar atau bengkel; dan
- ii) Semasa menjalankan tugas rasmi di mana masyarakat atau pemimpin di peringkat daerah atau kampung memberi buah-buahan, sayur-sayuran, makanan dan hasil kerja tangan penduduk kampung dan sebagainya

Perlu **mendapat kelulusan** penyelia jika nilai hadiah sama atau melebihi **RM100.00**.

Penerimaan hadiah tidak perlu dilapor kepada penyelia sekiranya :

- i) Nilai kurang daripada RM100.00;
- ii) Berbentuk lencana (plaque) atau barang-barang kraftangan yang dihasilkan sendiri oleh Jabatan Kerajaan berkenaan atau apa-apa bentuk bahan bercetak yang berkaitan Jabatan; atau
- iii) Dalam bentuk barang-barang yang cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buah-buahan, sayur-sayuran, kuih muih, minuman ringan, bunga dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, penerimaan hadiah tertakluk kepada Akta SPRM 2009, Kanun Keseksan dan undang-undang negara yang berkaitan.

PROSES PENERIMAAN HADIAH TIDAK BERKAITAN DENGAN TUGAS RASMI


Hadiah adalah **tidak sepadan** jika nilai semasa hadiah:

- a. $> \frac{1}{4}$ emolumen bulanan;
- b. $> \text{RM}500.00$;
- c. mana yang lebih rendah.

Hadiah adalah **sepadan** jika nilai semasa hadiah :

- a. $\leq \frac{1}{4}$ emolumen bulanan @ $\leq \text{RM}500.00$, mana yang lebih rendah.
- b. Hadiah dianggap **sepadan** walaupun nilai melebihi $\text{RM}500.00$ dalam keadaan berikut :
 - i) Penerimaan daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai;
 - ii) Penerimaan daripada keluarga termasuk sebelah isteri atau suami;
 - iii) Daripada saudara-mara dan rakan-rakan sempena majlis hari jadi, pertunangan dan perkahwinan pegawai atau anak-anak atau majlis berkaitan dengan adat resam dan agama; dan
 - iv) Hadiah yang cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buah-buahan, kuih muih, minuman ringan, bunga dan sebagainya.

PROSES PENERIMAAN HADIAH OLEH TEKUN NASIONAL



Perkara-perkara yang diperlukan semasa mengemukakan permohonan kelulusan penerimaan hadiah oleh TEKUN Nasional :

- i) Nama pihak yang memberi dan alamat;
- ii) Tujuan hadiah itu diberi;
- iii) Setakat mana kaitan sipemberi dengan TEKUN Nasional , jika ada;
- iv) Jenis / bentuk hadiah;
- v) Nilai hadiah;
- vi) Syarat-syarat yang dikenakan oleh pemberi, jika ada;
- vii) Kegunaan / faedah hadiah kepada TEKUN Nasional atau sebagainya;
- viii) Ulasan penyelia, jika ada;
- ix) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan



SYARAT-SYARAT MELULUSKAN PENERIMAAN HADIAH OLEH TEKUN NASIONAL

Kuasa meluluskan penerimaan hadiah oleh Jawatankuasa Pengurusan / Lembaga Amanah adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut :

- i) Hadiah yang diterima hendaklah diberikan oleh penderma secara percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan. Penderma-penderma pula tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan TEKUN Nasional;
- ii) Hendaklah dipastikan barang-barang atau peralatan yang dihadihkan adalah yang belum terpakai dan alat-alat gantinya pula mudah diperolehi serta memberi manfaat atau faedah kepada TEKUN Nasional khususnya;
- iii) Sesuatu hadiah itu diberikan oleh penderma secara sukarela dan bukan daripada permintaan TEKUN Nasional. TEKUN Nasional adalah dilarang melakukan usaha bagi mendapatkan hadiah atau derma dari mana-mana pihak sama ada pertubuhan atau orang perseorangan;
- iv) Penerimaan sesuatu hadiah itu tidak akan menyebabkan pengujudan jawatan baru bagi mengendalikannya. Dalam hal ini TEKUN Nasional hendaklah memastikan bahawa kakitangan yang terlatih telah sedia ada dan mencukupi untuk mengendalikan hadiah yang diterima;
- v) Peruntukan TEKUN Nasional adalah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan hadiah yang diterima;
- vi) Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk memastikan hadiah yang diterima mengikut apa yang dihasratkan oleh penderma; dan
- vii) Semua hadiah yang diluluskan penerimaannya hendaklah dimasukkan ke dalam inventori TEKUN Nasional.

Semua hadiah yang berupa wang tunai hendaklah diambil tindakan dengan mewujudkan akaun amanah yang sesuai.

RUJUKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (without consideration) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi atau pun mencukupi.

2. Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Suapan ertinya:

- (a) wang, derma, along, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tata-tertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

3. Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain-

- (a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
(b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab-

- (a) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau
(b) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat,

melakukan suatu kesalahan.

4. Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Seseorang melakukan kesalahan jika-

- (a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan

sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau

- (b) dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

5. Seksyen 20 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Seseorang-

- (a) yang, dengan niat untuk memperoleh suatu kontrak daripada mana-mana badan awam bagi melaksanakan apa-apa kerja, mengadakan apa-apa perkhidmatan, melakukan apa-apa jua, atau membekalkan apa-apa barang bahan atau benda, menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah membuat suatu tender untuk mendapatkan kontrak itu, sebagai suatu dorongan atau upah bagi orang itu menarik balik tendernya itu; atau
- (b) yang meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah baginya menarik balik suatu tender yang telah dibuat olehnya untuk mendapatkan kontrak itu,

melakukan suatu kesalahan.

6. Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya-

- a) pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu.
- (b) pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintang atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;

- (c) pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau
- (d) pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian,

melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

7. Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

- (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak berten-tangan dengan subseksyen 2 (8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.
- (4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.

8. Seksyen 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

- (1) *Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 6, 17, 20, 21 dan 23 apabila disabitkan boleh-*
- (a) *dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan*
 - (b) *didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.*

9. Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

- (1) *Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, beserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.*
- (2) *Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.*
- (3) *Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu beserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.*
- (4) *Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*

10. Seksyen 161 Kanun Keseksaan

Barang siapa, yang menjadi atau menjangka akan menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau cuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, kecuali bayaran di sisi undang-undang, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi melakukan atau supaya jangan melakukan apa-apa perbuatan rasmi, atau bagi memberi atau supaya jangan memberi, kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau bagi memberi atau cuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasminya, dengan Kerajaan atau dengan seorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

11. Seksyen 162 Kanun Keseksaan

Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara tak jujur atau menyalahi undang-undang, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

12. Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.